

CITRA NUR ISLAM DALAM PUISI MELAYU

Mohd Haidi Mohd Kasran, Ph.D

KTE (Prauniversiti) Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor

E-mel: ihaidi_ipr@yahoo.com

Rozeha Harun

SMK Seri Tanjung, Kuala Selangor

E-mel: haizeha@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini berkisar tentang hubungan antara ajaran dan panduan Islam dengan kehidupan dan amalan masyarakat Melayu yang dicitrakan dengan nilai-nilai murni. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis beberapa puisi tradisional Melayu iaitu pantun terpilih melalui beberapa terbitan yang melibatkan kumpulan atau kajian berkaitan dengan pantun. Kajian ini juga berlandaskan konsep pendekatan sosiologi yang dinyatakan oleh beberapa tokoh sastra secara umum. Metodologi kajian ini melibatkan penyelidikan kualitatif berasaskan kajian teks dengan Teknik Bacaan Rapi (*Close Reading Technique*) dan dianalisis isi kandungannya (*Content Analysis*). Diteliti, karya-karya pantun yang dianalisis mempunyai hubungan yang rapat antara ajaran Islam dengan kehidupan masyarakat Melayu semenjak dahulu hingga kini.

Kata kunci: Islam; pantun; citra; Masyarakat; Melayu

1. PENGENALAN

Nilai yang ditentukan oleh Allah Taala adalah melalui wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ini berdasarkan sepotong ayat al-Quran dalam surah al-Taubah ayat 71 yang menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan. Apa yang dikatakan sebagai baik dan mulia secara asasnya tidak berubah dari satu generasi kepada generasi yang lain atau daripada masyarakat yang lain (Nik Azis 1998). Oleh yang demikian, menurut pandangan Islam, seseorang itu akan dianggap mulia apabila mereka hidup mengikut kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Pegangan ini telah menjadi paksi utama bagi orang Melayu dan juga bangsa-bangsa lain kerana nilai dalam agama Islam sememangnya lengkap dan universal serta dapat diterima oleh semua kaum lain kerana ia adalah agama untuk semua umat manusia sejagat. Kedatangan cabaran yang dibawa oleh fenomena globalisasi ini mengancam keutuhan nilai-nilai dasar agama Islam bagi remaja sekarang ini. Oleh itu, remaja kini perlu diperlengkap dengan jati diri dan juga sahsiah diri agar tidak terpengaruh dengan budaya moden masyarakat barat. Dengan memiliki nilai-nilai yang kuat dalam diri, ia akan dapat menentukan kesinambungan budaya yang diamalkan. Bagi orang Islam wajib menjadi penganut yang berakhlak dan bersifat santun iaitu disuruh berbuat perkara yang baik dan dilarang berbuat keji seperti yang diisyaratkan dalam firman Allah S.W.T seperti dalam surah Ali 'Imran: 104 bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(*Surah Ali 'Imran : 104*)

Selain itu, akhlak (nilai baik) juga bukan sekadar kata-kata yang diulang-ulang atau slogan yang dipamerkan tetapi adalah watak atau sikap yang mendalam di dalam jiwa. Dalam agama Islam akhlak merupakan sumber dan faktor terpenting dalam mempengaruhi pertumbuhan individu. Penerapan nilai memberi perhatian kepada pandangan Islam terhadap manusia bertolak daripada prinsip tauhid kepada Allah Taala yang memandang alam sejagat sebagai suatu sistem bersepadu, berdiri di atas keseimbangan antara roh dan badan agar manusia selamat daripada percanggahan, perselisihan dan pertelingkahan antara akal dan benda atau salah satunya mengatasi yang lain. Dengan demikian kehidupan di dunia menjadi lurus dengan segala hikmat, merasakan kesatuan yang menyeluruh (*syumul*) dan berpadu pada dirinya sendiri yang akan memberinya rasa percaya kepada diri dan ketenteraman (Syed Muhammad Naquib 1972). Pernyataan ini juga dapat dikukuhkan lagi dengan pandangan Abd Jalil (2008) yang menyatakan bahawa akhlak seperti yang disyariatkan oleh Islam mampu membina masyarakat yang tunduk kepada kebenaran Ilahi, memiliki keperibadian yang luhur sama ada dalaman ataupun luaran serta menjalinkan perhubungan antara sesama insan dengan penuh tolak ansur dan kesopanan yang jitu. Penghayatan kepada ciri-ciri akhlak seperti yang digariskan oleh Islam dapat membantu melahirkan sebuah masyarakat berbudi pekerti yang tinggi dan bertamadun.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam konteks pembangunan ummah iaitu lanjutan daripada perkembangan struktur kekeluargaan yang hidup secara berorganisasi sebagai kesatuan sosial dan masyarakat, sebenarnya ia juga adalah merujuk kepada pembangunan manusia. Pembangunan ummah yang ditunjangi oleh dua aspek yang penting iaitu pembangunan insaniah (manusia itu sendiri) dan pembangunan material (urbanisasi). Pembangunan insaniah adalah merujuk kepada kualiti masyarakat yang dilahirkan itu bebas daripada penyakit-penyakit sosial atau amalan negatif yang boleh memusnahkan pembangunan ummah dan negara. Aspek yang penting dalam membangunkan ummah adalah pembangunan spiritual (rohani dan akhlak) di samping pembangunan material (kebendaan). Ini kerana pembangunan rohani dan akhlak adalah keperluan asas untuk membangunkan keperibadian dan peradaban manusia sejagat dalam kehidupan di dunia ini.

Umumnya, nilai murni dari perspektif Islam berfungsi sebagai petunjuk dan memandu manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan melalui pedoman wahyu. Nilai-nilai murni Islam lebih fokus kepada harmonisasi antara doktrin rabbani dan kemanusiaan untuk mencapai kejayaan hakiki dalam dimensi duniawi dan ukhrawi. Nilai murni pada pandangan Islam bersifat alami dan diikat dengan doktrin agama. Individu yang menghayati nilai-nilai itu akan mendapat ganjaran kebaikan. Bagaimanapun, jika berlaku sebaliknya dengan nilai-nilai berkenaan, maka pelakunya akan mendapat dosa. Justeru, melihat kepentingan itu, manusia diingatkan supaya memperkaya dan melengkapkan diri dari aspek zahir dan batin dengan nilai-nilai yang positif.

Apabila keperluan rohaniah manusia dari aspek jasad dan roh tidak diaplikasikan dengan nilai luhur, ia boleh menyebabkan berlakunya kecacatan. Secara tidak langsung ia boleh merosakkan fungsi asal manusia untuk menjadi insan berkualiti. Meskipun pada zahirnya kelihatan jasad individu itu nampak sihat, dari aspek batiniahnya dijangkiti dengan penyakit yang boleh merosakkan jiwa. Akibatnya, timbullah sifat gelisah, marah, dendam, kecewa dan pelbagai lagi sifat tercela. Kehidupan manusia di atas muka bumi ini bukanlah hanya bertujuan untuk memenuhi survival melangsungkan kehidupannya sebagai makhluk seperti makan, minum, berkeluarga, mengembangkan zuriat, bermasyarakat dan sebagainya. Keperluan yang dinyatakan itu cuma bersifat menyempurnakan masalah asasi yang dihayati oleh manusia.

Dengan itu, nilai-nilai tersebut bersifat mutlak, muktamad, dan kekal abadi. Apa yang dikatakan sebagai baik, benar, dan cantik secara asasnya tidak berubah daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain atau daripada satu masyarakat yang lain. Dalam erti kata lain, nilai sentiasa kekal dan tetap sifatnya. Nilai adalah hakiki dan Allah merupakan sumber kepada semua nilai, maka manusia hanya dianggap berakhlak mulia apabila mereka hidup mengikut kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah terhadap hamba-Nya. Kehendak dan peraturan Allah dikenali sebagai Syariah Islam atau syarak. Nilai mutlak yang menjadi asas kepada semua nilai ialah keimanan (kepercayaan dan kepatuhan) kepada Allah. Daripada nilai inilah lahirnya nilai-nilai mutlak lain yang menjadi ukuran kepada semua tindakan dan operasi yang dijalankan oleh manusia serta yang menjadi teras bagi pembinaan peribadi orang yang beriman (Nik Azis 1994).

Nilai budi pekerti manusia yang seimbang dicapai apabila empat domain pada diri seseorang itu berada dalam keadaan seimbang. Empat domain yang dimaksudkan ialah kekuatan ilmu pengetahuan, kekuatan nafsu marah, kekuatan nafsu syahwat dan kekuatan keadilan akal. Kekuatan ilmu pengetahuan mendorong manusia mencari ilmu pengetahuan melalui proses pembelajaran tentang nilai-nilai moral akhlak yang elok bagi mengatasi nilai-nilai buruk yang membinasakan manusia. Kekuatan nafsu marah adalah untuk menjadikan manusia peka bertindak terhadap sesuatu yang mengancam keselamatan diri. Kekuatan nafsu marah mengatasi nilai penakut iaitu menjadikan seseorang itu berani. Kekuatan nafsu syahwat untuk bekerja, makan, hidup mewah dan seks adalah penting bagi kemandirian manusia untuk terus hidup. Kekuatan keadilan akal pula adalah untuk membuat pertimbangan yang rasional bagi mengawal kekuatan nafsu marah dan syahwat supaya kedua-duanya tidak bertindan melampaui batas moral dan tatasusila kerukunan hidup manusia (Abd. Rahim 2007).

Kamarudin (1989) pula telah menggariskan nilai-nilai Islam yang boleh diterapkan dalam masyarakat kerana pengajaran Islam mengandungi unsur moral universal yang mulia dan tinggi nilainya. Ia dapat diterima oleh pemikiran manusia sejagat sebagai nilai yang positif dan mampu membangunkan setiap individu untuk kehidupan yang berkemajuan, yang mulia dan bahagia. Teras ajaran ini berasaskan kepada nilai-nilai Islam yang diperoleh melalui ajaran-ajaran dalam al-Quran yang menyuruh setiap penganutnya bersifat:

- 1) Universal yang bererti Islam tidak kepunyaan hanya untuk golongan-golongan tertentu.
- 2) Mudah dan tidak menyulitkan.
- 3) Menitikberatkan pemeliharaan kepentingan umum dan tidak untuk kumpulan-kumpulan kecil.
- 4) Menjaga keadilan sesama manusia.

Di samping empat perkara asas yang penting itu, nilai-nilai Islam juga dititikberatkan untuk:

- 1) Membentuk sikap jujur, amanah, dedikasi, bersatu padu, bekerjasama dan bertanggungjawab
- 2) Membentuk sikap kesungguhan membuat satu pekerjaan, seperti belajar.
- 3) Menanam semangat cinta dan meminati setiap bidang ilmu untuk kebaikan ummah di samping pengajian agama Islam.
- 4) Membentuk individu beriman tinggi dan cekap profesion.
- 5) Membentuk sikap yang berfikiran terbuka, waras, dinamik dan progresif.
- 6) Menanam semangat cinta kepada agama, bangsa dan negara.
- 7) Menjaga dan meningkatkan akhlak, adab dan kebersihan.

Unsur-unsur yang dinyatakan di atas, amat penting ditekankan dalam usaha mengendalikan peningkatan penerapan nilai-nilai Islam pada semua golongan dan peringkat masyarakat. Penerapan

nilai Islam ini juga diharapkan dapat melahirkan warganegara yang berkaliber tinggi dan dapat memberi sumbangan bakti terhadap pembangunan negara kerana baik dan buruknya sesuatu bangsa itu bergantung kepada nilai hidup dan bangsa itu. Jika nilai dan budaya itu tidak baik, bangsa itu boleh menukarkannya dengan yang baik jika ingin memulihkan kemajuan bangsa (Aminuddin Ruskam al-Dawamy, 2004).

Nilai serta ajaran Islam yang meliputi keseluruhan keperluan yang berbentuk rohani dan jasmani bagi manusia sejagat tidak terhad kepada ibadat semata-mata. Sistem nilai Islam menekankan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi termasuk dalam bidang ekonomi, pembangunan fizikal, dan kehidupan sosiobudaya. Persoalan kehidupan tidak diasingkan daripada nilai kerohanian yang mementingkan moral, disiplin, etika, dan perlakuan manusia yang lain. Unsur akhlak dilihat sebagai punca terpenting segala masalah kehidupan. Di samping itu juga, Islam juga dilihat sebagai sumber nilai universal yang mendorong pembangunan kemanusiaan dan kerohanian. Nilai seperti kebebasan, kebenaran, keadilan, kejujuran, keilmuan, menghormati, kesetiaan, amanah, berdikari, bersih, cekap, sopan, tolong-menolong, cinta akan negara dan penerapan nilai Islam yang lain yang boleh membantu mengukuhkan nilai hidup yang positif dalam kehidupan masyarakat (A. Aziz 2000).

Justeru, dalam konteks nilai berteraskan Islam ini, boleh diterapkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum kerana nilai-nilai yang diutarakan adalah nilai yang bersifat universal dan perlu diamalkan sebagai panduan dan ikutan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Jika dilihat secara mendalam sememangnya amalan-amalan nilai Islam ini, kesemuanya menjurus ke arah kebaikan tanpa mengira ras dan keturunan bangsa. Nilai-nilai murni ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara dalam usaha pembentukan nilai positif dalam kalangan rakyat, dan seterusnya disemai dalam jiwa remaja yang merupakan pewaris kepada nilai-nilai mulia ini.

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang dipaparkan di atas serta diperkuat dengan beberapa pandangan tokoh-tokoh dan sarjana Islam, maka dapat disimpulkan bahawa daripada perspektif Islam apa sahaja nilai-nilai positif yang membantu membina diri manusia amat diterima Islam. Nilai ini tidak akan berubah sampai bila-bila. Antaranya:

1. Sifat ketakwaan kepada Allah
2. Melakukan kebajikan kepada manusia dan negara
3. Berbudi bahasa, jujur dan amanah
4. Kemahuan menuntut ilmu
5. Berfikiran terbuka, tidak jumud dan bermusyawarah
6. Menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua

Sehubungan dengan itu apabila dinyatakan, nilai murni dalam Islam tidak lari daripada perspektif budaya Melayu kerana antara Islam dan masyarakat Melayu itu saling bertautan ibarat ‘isi dengan kuku’ dan ‘bagaikan aur dengan tebing’ serta dapat disimpulkan sebagai Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu. Dalam perlembagaan negara juga dibawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Seterusnya akan diperjelaskan bagaimana pertautan ini dapat dilihat antara Islam dan Melayu ini.

Dari perspektif budaya Melayu, Nik Safiah (1985) menjelaskan bahawa nilai-nilai sosial Melayu dapat dikonsepskan kepada nilai “halus” yang dipengaruhi oleh agama Islam. Ini membawa perbandingan yang amat ketara dalam kalangan orang Melayu yang selalunya dikaitkan dengan nilai-nilai yang baik yang berlawanan dengan sifat negatif. Ini membawa perbandingan yang amat ketara

dalam kalangan orang Melayu di mana halus itu selalunya dikaitkan dengan nilai-nilai yang baik manakala lawan halus iaitu kasar selalunya membawa konotasi negatif. Jika dilihat daripada perspektif budi bahasa, seseorang yang halus budi bahasanya dianggap sebagai seorang yang tinggi budi pekertinya dalam masyarakat.

3. OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji karya pantun Melayu yang mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat Melayu dan panduan ajaran Islam.
2. Menganalisis kandungan pantun Melayu yang mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat Melayu dan panduan ajaran Islam.

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan karya sastera pantun pilihan daripada pelbagai sumber dan dibaca kesemuanya dengan Teknik Bacaan Rapi (*Close Reading Technique*). Tarigan (1994) mentakrifkan *close reading* atau pembacaan teliti sebagai “teknik membaca yang digunakan untuk memperoleh pemahaman (sepenuhnya) atas suatu bahan bacaan”. Setiap karya yang dibaca akan dianalisis isi kandungannya (*Content Analysis*) dengan berlandaskan konsep sosiologi. Kaedah analisis kandungan teks ini melibatkan penganalisan data secara kualitatif yang merupakan kaedah untuk mencari dan menerangkan data penyelidikan (Kamarul Azmi, 2012).

5. KONSEP PENDEKATAN SOSIOLOGI

Sosiologi merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji manusia dalam masyarakat, proses sosial, lembaga sosial dan persekitarannya. Sosiologi cuba menyelongkar tentang bagaimana masyarakat wujud, bagaimana ia berlangsung dan tetap wujud. Kajian terhadap masyarakat dan segala masalah yang ada dalam institusi sosial, ekonomi, politik, agama dan lain-lain yang terangkum sebagai struktur sosial, dapat memberi gambaran tentang cara manusia menyesuaikan diri dalam lingkungannya, tentang mekanisme sosialisasi dan proses pembudayaan yang menempatkan masyarakat di tempatnya (A. Teeuw, 1984).

Diana dan Swingewood (1972) pula mengetengahkan pandangan supaya erti “seni untuk masyarakat” harus dilihat dengan mengambil kira pandangan pengarang, kesedaran dan tujuannya berkarya. Sastera yang dicipta oleh pengarang menggunakan segugus peralatan tertentu dan seandainya sastera memang merupakan cermin kepada masyarakat, apakah pencerminan itu tidak dirosakkan atau disalahgunakan oleh penggunaan alatan sastera seperti bahasa. Hasil karya sastera seorang pengarang melukiskan tentang kecemasan, harapan dan aspirasi manusia. Oleh hal yang demikian, kayu ukur sosiologis yang paling efektif ialah mengukur tanggapan manusia terhadap kekuatan-kekuatan sosial. Bagi memecahkan permasalahan tersebut, Swingewood beranggapan bahawa pendekatan sosiologi terhadap sastera dapat dilaksanakan dengan baik asalkan perkara atau alatan sastera yang digunakan pengarang untuk menampilkan masalah sosial itu murni sifatnya dan pengarang yakin dan sedar pada tujuan mereka berkarya.

Mana Sikana (2007) menjelaskan Teori Sosiologi sebagai wadah untuk menilai karya sastera dengan meneliti aspek sosial atau kemasyarakatannya dan menganalisis hubungan teks dengan isu politik, ekonomi, budaya dan aspek-aspek yang membangunkan masyarakat. Jelasnya, sosiologi tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat.

Berdasarkan pandangan beberapa orang pengkaji sastera tersebut, kajian ini akan melihat bagaimana bentuk sosiologi sastera dapat dihubungkan antara karya sastera dengan kehidupan manusia dan masyarakat serta pemikiran pengarang dalam membuahkan hasil karya melalui bait-bait puisi berlatarbelakangkan kemasyarakatan sejagat.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Corak hidup masyarakat dan bangsa Melayu pada zaman dahulu dicerminkan melalui puisi lama seperti pantun dan peribahasa. Za'ba di dalam bukunya bertajuk *Ilmu Mengarang Melayu*, 1965 (dlm. Asmah 2002) mengatakan bahawa penciptaan pantun merupakan puisi tertua dan milik asal kepunyaan masyarakat Melayu. telah diterima umum bahawa pantun adalah ciptaan asli orang Melayu. Pantun banyak menyebutkan kehalusan budi orang Melayu. Berdasarkan penelitian terhadap pantun-pantun masyarakat Melayu lama, tidak dapat disangkal bahawa penciptaannya memancarkan intipati pemikiran Melayu. Pantun-pantun yang dipancarkan oleh masyarakat Melayu dahulu melibatkan pantun nasihat, budi, kasih sayang dan sebagainya. Antara pantun nasihat digambarkan menerusi pantun berikut:

Anak beruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.

Puisi Melayu Tradisi (1985)

Orang yang berbudi bahasa ialah orang yang berbudi melalui bahasa atau bahasa sebagai budi. Hal ini disebabkan budi itu amat luas maksud atau bidangnya dan bahasa adalah salah satu daripadanya. Antara falsafah yang dapat dilihat berdasarkan pantun ini adalah berkenaan akhlak mulia iaitu sentiasa hidup berbudi bahasa yang dijadikan 'main point' bagi pantun ini. Penulis menjelaskan bahawa akhlak mulia mencerminkan sahsiah diri yang tinggi. Gambaran ini tepat kerana akhlak mulia turut dituntut dalam ajaran agama Islam. Di samping itu juga, orang yang berbudi ini akan dikenang orang sehingga akhir hayatnya.

Akhlak dan budi yang baik akan disenangi masyarakat. Golongan ini akan mudah dimesrai dan didekati. Masyarakat juga akan senang untuk mendampingi dan mengeratkan silaturahim. Hal ini demikian kerana, sesiapa sahaja yang mempunyai akhlak yang mulia, secara jelasnya manusia tersebut adalah manusia yang bertamadun. Oleh itu, jelas membuktikan ilmu agama menjadi salah satu tunjang utama bagi pembentukan akhlak yang murni. Buktinya, junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W memiliki akhlak yang mulia apabila diterapi dengan ilmu agama yang tinggi. Sabda baginda; "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Maniyamin 2009).

Berkisar dengan masyarakat Melayu yang begitu menghargai dan menjunjung tinggi budi, mereka menilai segala sesuatu itu berdasarkan pada budi. Buktinya, kecantikan seseorang bukan dinilai pada paras rupanya tetapi dinilai pada budi bahasanya. Manusia akan dipandang hina jika tidak berbudi, dan satu-satu bangsa itu pula akan runtuh jika budinya runtuh. Hal ini tergambar dalam pantun Melayu lama seperti di bawah:

*Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.*

Puisi Melayu Tradisional: Nasihat dan Pengajaran (2004)

Berdasarkan pantun nasihat di atas, jelas mempunyai makna falsafah tersendiri yang cuba diutarakan oleh penyair. Pantun nasihat ini terkandung umpama atau makna yang sarat dengan kias, makna dan nasihat. Bagi yang mempunyai harta, mereka boleh berbudi dengan menyumbangkan harta untuk tujuan kebajikan; yang mempunyai tenaga boleh menyumbangkan budi dengan menyumbangkan tenaga seperti dalam kerja-kerja gotong-royong; dan bagi yang mempunyai fikiran yang bernas boleh menyumbangkan idea-idea yang bernas dan berkesan untuk tujuan-tujuan kebaikan untuk diri dan masyarakat.

Berbudi bahasa ialah gambaran pancaran hati jernih yang diungkapkan secara baik dan mesra serta memberikan kesan baik pula kepada orang lain. Dengan berbudi bahasa, silaturahim dapat dijalin, rasa kasih sayang dapat dipupuk, dan sifat persaudaraan dapat disuburkan. Dengan itu situasi ini dapat dijadikan asas yang baik dalam proses pembinaan masyarakat beradab dan akhirnya menjadi masyarakat yang bertamadun. Asas budi bahasa sebenarnya merupakan asas ajaran agama. Islam menganjurkan penganutnya memberikan salam apabila bertemu. Begitu juga ketika memulakan percakapan atau ucapan, serta apabila ingin masuk ke sesuatu tempat. Orang yang lebih muda memberi salam kepada yang tua; yang mendatangi pula memberi salam kepada yang sedia menunggu; dan pengunjung rumah memberi salam kepada tuan rumah. Berbudi bahasa juga merujuk kepada asas penggunaan bahasa yang tepat dan sopan. Bahasa yang dilafazkan hendaklah mengandungi maksud yang baik dan nilai-nilai yang murni, serta dilafazkan dengan nada yang elok dan jelas maksudnya. Budi bahasa sangat luas pengertiannya yang tersirat dalam pemikiran orang-orang Melayu, justeru sifat berbudi bahasa ini juga menjadi citraan kepada ketinggian sifat seseorang dalam kehidupan seperti menurut Maniyamin (2009), manusia yang dianggap baik budi pekertinya ialah orang yang tertib kelakuan dan indah budi pekertinya.

Sifat kasih sayang juga telah diterapkan oleh masyarakat Melayu dalam pembinaan pantun. Hal ini dapat diperjelas melalui pantun yang bertemakan kasih sayang seperti di bawah ini, yang menggunakan latar alam sebagai objek dan perlambangan:

*Nyiur gading mayang mengurai,
Kait buah buatkan inti;
Hancur daging tulang berkecai,
Kasih tak ubah sampai ke mati.*

Pantun Melayu Warisan Bangsa (2003)

Pantun tersebut mengutarakan tema kasih sayang, secara tidak langsung menggambarkan nilai kasih yang tidak berbelah bahagi terhadap seseorang. Kasih sayang yang diterima pula terpahat dalam ingatan hingga ke akhir hayat. Bukan hanya sayang terhadap manusia, pantun Melayu juga banyak merujuk nilai terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

Berdasarkan daripada ciptaan pantun dan amalan-amalan yang diikuti berlandaskan ajaran Islam, orang Melayu juga amat kuat mengamalkan semangat bermasyarakat yang dapat diperlihatkan dalam amalan-amalan yang berkait rapat dengan adab ataupun nilai-nilai murni. Tradisi ini telah diamalkan secara turun-temurun. Sifat-sifat seperti tolong menolong, bersopan santun, berbudi bahasa dan bertimbang rasa adalah karakteristik yang lahir daripada amalan-amalan yang dipraktikkan menjadi kebanggaan dan “*trade mark*” orang Melayu (Khairul A. Mastor, Putai Jin & Martin Cooper 2000).

Sejajar itu juga, tingkah laku dan budi pekerti baik menjadi teras ukuran tamadun Melayu yang berkesinambungan daripada ajaran Islam. Bagi orang Melayu, penghayatan dan akhlak adalah perlu berdasarkan ilmu yang diperolehi serta rukun yang mengawal perlakuan manusia, maka kualiti penghidupan harian akan bersandar kepada penghayatan jitu terhadap nilai-nilai murni yang diperolehi daripada ajaran agama. Segala panduan Islam tersebut banyak digambarkan dalam beberapa pantun Melayu, antaranya:

Menanam kelapa di Pulau Bukum,
Tinggi sedepa sudah berbuah;
Adat bermula dengan hukum,
Hukum bersandar di Kitab Allah.

Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001)

Pantun di atas menjelaskan maksud segala adat yang diamalkan oleh umat Islam khususnya masyarakat Melayu adalah berdasarkan panduan kitab al-Quran. Setiap hukum yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu perlu berlandaskan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh agama.

Asalnya kandis buah gelegur,
Masak sebiji di pintu pagar;
Duduk menangis di pintu kubur,
Terkenang di dunia tidak belajar.

Pantun Kurik Kundi Merah Saga (1990)

Pantun juga berperanan dalam menyampaikan mesej agama yang mengandungi mengenai akidah, hukum-hakam, amalan syariat dan keimanan kepada Allah S.W.T. Pantun sebegini ingin menyeru khalayak untuk mentauhidkan diri kepada Allah S.W.T. Apabila tersebarnya ajaran Islam di Nusantara, maka fungsi pantun menjadi lebih penting, iaitu bertindak sebagai media dakwah dan mengajak manusia ke arah kebaikan dan kesempurnaan dalam kehidupan.

Banyaklah rajut perkara rajut
Rajut bertali bunga bercanggah;
Banyaklah sujud perkara sujud,
Sujud sejati kepada Allah.

Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu (2003)

Tiada boleh menetak jati,
Papan di Jawa dibelah-belah;
Tiada boleh kehendak hati,
Kita di bawah perintah Allah.

Pantun Melayu, Kumpulan Pantun Melayu (1984)

Melalui pantun di atas, dalam membentuk peribadi yang mulia dan beriman hanya kepada Allah, seperti pendapat Tengku Intan Marlina (2016) membuktikan bahawa pantun Melayu banyak mengandungi ikon dan simbol agama yang bertujuan untuk menyampaikan nasihat, pengajaran dan sindiran kepada orang ramai. Nasihat dan pengajaran dapat dilihat dalam ikon Nabi Muhammad S.A.W dan ikon ulama, ikon iman khatib serta simbol Tuhan, Allah, agama, lohmahfuz, kain putih, sembahyang dan dunia akhirat. Sindiran pula ditonjolkan melalui ikon haji. Kesemua ikon dan simbol mempunyai makna-makna tertentu yang mengajak umat Islam ke arah kebaikan, mengingatkan Allah, mengingatkan kematian, mengingatkan Nabi Muhammad S.A.W, sentiasa menjaga diri daripada melakukan maksiat serta memperbaiki diri menjadi orang Islam yang baik.

Buai laju-laju,
Sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi,
Sudah pandai baca kitab.

Kumpulan Pantun Melayu (1983)

Berdasarkan pantun popular di atas, pantun yang kebiasaannya digunakan untuk kanak-kanak didapati bahawa baris ayat “Sudah pandai baca kitab”, boleh dikonotasi sebagai membaca kitab-kitab agama. Panduan dalam kitab agama perlu ditebar kepada generasi muda dari awal-awal lagi agar kehidupan mereka pada masa akan datang dibimbing dengan ajaran-ajaran yang boleh dijadikan pedoman. Peranan ibu bapa di rumah dan guru di sekolah amat diperlukan untuk menjayakan misi deduktif ini. Kebiasaan ibu akan mendendangkan pantun di atas secara berlagu sebagai hiburan di samping memberi unsur pendidikan kepada anak-anak sebelum mereka lena. Dalam hal pendidikan berteras proses sosialisasi, telah menggambarkan masyarakatnya yang bersifat sopan santun dan berperilaku mulia seperti yang diajarkan dalam Islam (Mohd Rashid 2012).

7. PENUTUP

Pancaran cahaya Islam telah memberi satu impak yang besar terhadap kelompok masyarakat Melayu di Nusantara. Kehidupan masyarakat Melayu banyak didasari dan dipengaruhi oleh ajaran Agama Islam. Kesan dan pengaruh Islam dalam tamadun Melayu turut hadir mewarnai kehidupan orang Melayu. Kehadiran agama Islam dalam masyarakat Melayu telah menjadikan ajaran Islam diasimilasi ke dalam budaya dan adat kehidupan seharian orang Melayu termasuklah juga dalam bidang kesusasteraan yang disampaikan kepada khalayak dalam bentuk ajaran Islam. Kedatangan Islam berserta tamadunnya juga telah membawa suatu citraan baharu terhadap pandangan hidup dan penerimaan pelbagai bangsa yang menganut agama tersebut. Sememangnya diakui pegangan agama yang kuat adalah tunjang kepada pembentukan adab dan susila masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, agama juga memberi pengaruh yang cukup kuat kepada adat dan budaya Melayu itu sendiri.

8. RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Teeuw. (1984). *Sastera dan Ilmu Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Jalil Borham. (2008). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Kuantan: Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid. (2007). *Integriti Institusi Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Amina Noor. (2003). *Pantun Melayu Warisan Bangsa*. Kuala Lumpur: Iqra' Publications.

Aminuddin Ruskam al-Dawamy. (2004). *Pascamoden Perbincangan Isu Sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Asmah Haji Omar. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (1984). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur.

Harun Mat Piah (2004). *Puisi Melayu Tradisional: Nasihat dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah. (2007). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Kamarudin Hj. Kachar. (1989). *Strategi Penerapan Nilai-Nilai Islam di Institut Pendidikan (Dari Perspektif Pengurusan)*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012.

Khairul A. Mastor, Putai Jin & Martin Cooper. (2000). Malay Culture and Personality: a Big Five Perspective. *The American Behavioral Scientists*: 95-111.

Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diana Laurenson dan Alan Swingewood. (1972). *The Sociology of Literature*. London: Paladin.

Mana Sikana. (2007). *Tokoh-tokoh unggul dalam Sastera Melayu*. Singapura: Pustaka Karya.

Maniyamin Ibrahim. (2009). *Konteks Sastera & Budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Mohd Rashid Md Idris. (2012). Nilai Kebijaksanaan Melayu dalam Pantun. *'Ulum Islamiyyah Journal*. Vol.9 (December). USIM. pp 3-18.

Mohd Yusof Md Nor. (1985). *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Azis Nik Pa. (1998). Pendidikan Moral dan Nilai di Malaysia: Satu Analisis Tentang Konsep dan Realiti dari Perspektif Bersepadu. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Negara. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.: 127-146.

Nik Safiah Karim. (1985). Ke arah Mencari Nilai Bersama Masyarakat Malaysia. Asas-asas Nilai Sosial Melayu. *Kertas Kerja Seminar Ijazah Tinggi*. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tarigan. (1994). *Membaca Ekspresif*. Bandung: Angkasa.

Tenas Effandi. (2003). *Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu. Adicpta karya Nusa.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). *Ikon dan Simbol Agama dalam Pantun Melayu dalam Wacana Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Bakar (Peny.) (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.